

Dilema gadis terlanjur

Hamil empat bulan tetapi teman lelaki enggan bertanggungjawab, takut beritahu ibu bapa

Soalan

SAYA gadis terlanjur dan hamil empat bulan. Kini, saya tertekan dan pemikiran bercelaru. Saya buntu memikirkan bagaimana hendak menyembunyi kehamilan ini daripada pengetahuan ibu bapa kerana takut mereka kecewa dan membuang saya.

Malah, ayah seorang yang suka ke surau. Semakin hari saya sayangkan anak ini tapi tidak tahu bagaimana menguruskan sijil kelahirannya nanti dan menyara dirinya.

Lelaki itu tidak mahu bertanggungjawab dan saya terfikir hendak menggugurkan

kandungan daripada memberikannya kepada orang lain. Tolonglah saya menyelesaikan masalah ini.

Saya buntu dan hidup dalam ketakutan. Saya takut bayi ini akan dirampas kerana anak luar nikah.

LARA
Pulau Pinang

Jawapan

BETAPA adik keseorangan dalam menghadapi masalah kehamilan luar nikah. Dr memahami segala kebuntuan dan kecelaruan pemikiran seolah-olah gelap dunia kerana tidak tahu mana arah hendak

dituju dan siapa untuk dirujuk.

Lazimnya, gadis atau wanita hamil luar nikah akan menghadapi kebuntuan kerana memikirkan tiada siapa yang dapat dan ingin membantu. Pemikiran sering kali juga menjadi tidak waras, sama seperti apa yang adik alami. Apatah lagi, apabila kekasih langsung tidak mahu bertanggungjawab. Ibu bapa pula dianggap seperti tidak mahu mengakui anak jika mengetahui anak gadisnya mengandung tanpa bapa.

Bukan itu saja, si gadis juga akan memikirkan betapa gelapnya masa hadapan diri dan anak luar nikahnya itu. Perkara-



ANUGERAH TUHAN...usaha tambah dosa dengan membuang bayi.

perkara lain seperti mengurus sijil kelahiran, pertanyaan anak di manakah si ayah ternyata menambahkan lagi kekusutan gadis. Masyarakat sekeliling pula mempunyai persepsi tersendiri. Ada yang boleh menerima manakala ramai juga yang memandang sinis kepada keluarga yang mempunyai anak gadis mengandung luar nikah.

Apabila gadis tidak mengetahui apa yang patut dilakukan, keadaan ini boleh menyumbang kepada perbuatan membuang bayi. Dewasa ini, perbuatan itu amat berleluasa hingga membuatkan kerajaan serius mahu menanganinya.

Mengikut statistik, sepanjang empat tahun lalu sebanyak 407 kes buang bayi dan 10,758 kes dera sudah berlaku. Justeru, tujuh punca dikenal pasti menyumbang permasalahan ini iaitu takut apabila keharuan tidak dibantu anggota keluarga, takut dihukum, enggan menerima bayi cacat, kurang pendidikan, tiada pengetahuan khidmat sokongan, bapa bayi tidak bertanggungjawab dan wanita pendarat asing bimbang diusir. (Harian Metro, 12.4.2010).

Penguatkuasaan siasatan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan jelas membuktikan betapa kerajaan serius menghalang lebih ramai membuang bayi.

Dr empati dengari adik. Hakikatnya, masih ramai yang

boleh membantu adik dalam memikirkan jalan keluar kepada permasalahan ini. Di negara ini, terdapat beberapa rumah perlindungan yang boleh menjaga anak luar nikah. Rumah perlindungan ini boleh mengelakkan gadis menggugurkan kandungan mereka, sekali gus mengurangkan kes pembuangan bayi terus berlaku.

Mengenai ketakutan adik, bayi akan dirampas kerana tidak bernikah di pusat jagaan selepas melahirkan anak, gadis berkeinginan boleh menjaga sendiri anak mereka atau menyerahkannya ke rumah kanak-kanak. Adik boleh mencari alamat rumah perlindungan ini melalui laman web atau bertanya kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Adik mengandalkan ibu bapa akan hampa dan membuang adik jika mengetahui keadaan sebenar. Mungkin ya dan mungkin tidak. Jika mereka tidak menerima, adik boleh merujuk kepada bantuan lain seperti rumah perlindungan. Bagaimanapun, keadaan mungkin sebaliknya. Apa yang perlu ialah keberanian di pihak adik sendiri untuk tampil menjelaskan keadaan sebenar kepada ibu bapa.

Sekiranya adik benar-benar takut untuk memberitahu keluarga mengenai perkara ini, adik boleh meminta bantuan orang yang dipercayai untuk menyampaikan berita itu kepada ibu bapa. Sebagai ibu

bapa, perlu mengetahui apa yang berlaku kepada anak mereka.

Jika adik menggugurkan kandungan, ia boleh membatayakan nyawa adik dan janin kerana kandungan sudah berusia empat bulan. Janin juga sudah mempunyai roh. Nabi s.a.w menyatakan pada usia empat bulan ditiupkan roh ke dalam tubuh bayi yang ada dalam kandungan ibunya.

Adik sudah terlanjur melakukan perkara berdosa iaitu berzina. Janganlah pula menambah lagi satu dosa dengan menggugurkan bayi. Apa yang dialami sememangnya memberikan tekanan kepada adik. Justeru, adik perlu mendapatkan khidmat sokongan dan mencari bantuan pihak berkaitan.

Masih belum teriambat untuk adik bertaubat kerana Allah s.w.t sentiasa menerima orang yang benar-benar insaf. Dunia ini masih penuh dengan pihak yang sudi membantu. Dapatkan pertolongan secepat mungkin dan beranikan diri untuk keluar daripada menghadapi masalah kehamilan keseorangan.

Ini kerana apabila adik keseorangan, akan banyak suara hasutan syaitan yang menyuruh adik membuat perkara yang akan menambatkan dosa adik. Dr doakan adik tabah. Semoga sinar matahari akan menyinari hidup adik kelak.